



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

NOSTALGIA ANAK KAMPUNG MENGGAMIT MEMORI, MERAKYATKAN MUZIUM

KUALA LUMPUR, 11 Oktober 2025 – Muzium mesti terus bertransformasi daripada hanya “tempat pameran” kepada ruang pembelajaran hidup (*living museum*) yang menghubungkan masa lalu dan masa depan di samping **merakyatkan muzium dengan menjadikan muzium sebagai milik dan kebanggaan bersama**. Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan **Majlis Perasmian Program Nostalgia Anak Kampung: Temasya Rihuh Sekampung** hari ini.

Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan supaya muzium perlu menjadi institusi ke hadapan sebagai pusat ilmu, penyelidikan, dan inovasi dalam bidang warisan serta identiti kebangsaan. Usaha memperluas capaian muzium melalui **digitalisasi koleksi, penganjuran program komuniti serta kerjasama strategik dengan sekolah dan universiti** juga perlu terus diperkasakan melalui program-program signifikan seperti Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIIM) dan Bermalam di Muzium.

Pada masa yang sama, beliau juga turut menjelaskan bahawa penganjuran program Nostalgia Anak Kampung memainkan peranan penting untuk **menghidupkan semula memori budaya, memperkenalkan semula permainan tradisional, makanan warisan, muzik dan seni rakyat kepada generasi muda**. Program ini menjadi ruang untuk masyarakat pelbagai kaum berkongsi pengalaman, saling mengenal adat dan cara hidup masing-masing sekaligus memperkukuh perpaduan nasional.

Pelbagai aktiviti menarik telah sediakan kepada para pengunjung yang hadir seperti Pertandingan Sukan Rakyat, Persembahan Dikir Barat, Pertandingan Lastik Tradisional, Pertandingan Busana Cilik, Pertandingan Juara Dapur Kampung, Cabaran Seni Kampung, Sentuhan Desa, Kampung Memory Wall, Hikayat Puspa Kencana, Wayang Kulit 6 Bersaudara, Night Run Museum Rihh Sekampung dan Citrawarna Muzium.

Kementerian Perpaduan Negara

11 Oktober 2025

KPN.100-9/1/16 (86)